

British tiada niat

BH 16.11.2007 M43

Peguam Diraja dedah dokumen komunikasi ke

ambil kedaulatan

dua-dua pihak cuma hendak kendali rumah api

**Khirul Bahri
Basaruddin**
The Hague, Belanda



Lauterpacht berkata, sebelum tempoh kritikal 1847 hingga 1851 pada 30 September 1846, Gabenor Singapura mencadangkan kepada Pengarah Syarikat India Timur (EIC) membina rumah api di Pulau Batu Puteh.

Bagaimanapun, katanya, dokumen mengenai komunikasi kedua-dua pihak tidak mencatatkan sebarang niat untuk mengambil hak kedaulatan pulau berkenaan.

Katanya, dalam tempoh 1847 hingga 1851 itu, tidak ada sebarang bukti untuk menunjukkan niat British itu kerana ketika itu tumpuan lebih diberikan kepada pembinaan rumah api.

Beliau merujuk kepada surat 24 Februari 1847 daripada EIC kepada Gabenor Jeneral India berhubung keputusan pemilihan Pulau Batu Puteh sebagai tapak rumah api dan surat Setiausaha Kerajaan India kepada Setiausaha Kerajaan Bengal pada 24 April 1847 bersetuju dengan keputusan itu memilih Pulau Batu Puteh dan bukan Batuan Puncak sebagai tapak rumah api.

Selain itu, surat Jurukur Kerajaan Singapura, John Turnbull Thomson kepada Kaunselor Residen Singapura pada 9 Julai 1847 dan 1 November

“*Peristiwa pada 1851 seperti lawatan kerja Kaunselor Residen, notis kepada pelaut yang dikeluarkan gabenor, lawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat tidak pernah menunjukkan pulau itu milik British”*

Sir Elihu Lauterpacht
Peguam Diraja

tahun sama mengenai keadaan di pulau itu serta laporan Gabenor daripada Pulau Pinang pada 22 Julai 1847 mengenai perbelanjaan membina rumah api itu.

Katanya, pada 1848 dan 1849, Thomson membuat beberapa laporan kepada EIC mengenai kemajuan projek

MALAYSIA semalam membuktikan British tidak pernah melahirkan niat untuk mendapatkan hak kedaulatan Pulau Batu Puteh daripada Sultan Johor ketika membina dan mengendali rumah api di pulau itu dalam tempoh 1847 hingga 1851.

Peguam Diraja, Sir Elihu Lauterpacht, yang mewakili Malaysia pada perbincangan mengenai tuntutan Singapura terhadap kedaulatan pulau itu, berkata bukti itu berdasarkan kandungan dokumen yang dikemukakan kepada mahkamah menunjukkan British tidak pernah melahirkan niat sedemikian.

Sebelum ini, Singapura mendakwa pemilihan Pedra Branca (Pulau Batu Puteh) sebagai tapak rumah api, persiapan pembinaan, kekerapan lawatan rasmi, majlis pecah tanah serta perasmian rumah api adalah bukti yang tidak boleh dipertikaikan niat penjajah British mengambil pulau itu.



BERI TUMPUAN: Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail (kiri), Duta Malaysia ke Belanda, Datuk Farida Ariffin dan Ketua Delegasi Malaysia yang juga Penasihat Khas Hal Ehwal Luar Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Kadir Mohamad berbincang di ICJ, The Hague, semalam.

itu dan pada 24 Mei 1850 majlis pecah tanah diadakan serta sembilan hari kemudian lawatan Temenggong Johor dan 30 pengikutnya ke pulau berkenaan.

"Peristiwa pada 1851 seperti lawatan kerja Kaunselor Residen, notis kepada pelaut yang dikeluarkan ga-

benor, lawatan Gabenor Negeri-Negeri Selat tidak pernah menunjukkan pulau itu milik British.

"Malah, pada 1889, Pejabat Undang-Undang Diraja British meluluskan borang perisytiharan pengambilan hak yang kandungannya memerlukan dinyatakan perisytiharan mele-

tak hak sepenuhnya kedaulatan ke atas pulau yang dituntut Ratu England," katanya di depan 14 panel hakim tetap dan seorang hakim *ad hoc* Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ). Hakim *ad hoc*, Sreenivasa Rao yang mewakili Singapura tidak hadir pada perbincangan semalam.